

22 MAY 2003

Cuepacs-Bonus

CUEPACS HARAP KERAJAAN BERI BONUS LAGI PADA HUJUNG TAHUN

KOTA BAHARU, 22 Mei (Bernama) -- Cuepacs berharap kerajaan akan masih memberikan bonus sebulan gaji kepada kakitangan awam penghujung tahun ini sebagai tambahan kepada imbuhan yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Setiausaha Agung Cuepacs, Datuk Abdul Rahman Manan berkata bonus hujung tahun penting kepada kakitangan awam yang mempunyai tanggungan besar dan juga untuk menyambut beberapa perayaan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar Wanita Kesatuan Pegawai-pegawai Kastam Semenanjung Malaysia di sini hari ini, beliau berkata Cuepacs terhutang budi kepada kerajaan kerana memberikan bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan kerajaan sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri semalam.

Bonus setengah bulan yang akan dibayar Jun ini diumumkan oleh Perdana Menteri semasa beliau membentangkan pakej ekonomi yang melibatkan perbelanjaan RM7.3 bilion.

"Cuepacs yakin semua kakitangan kerajaan akan dapat berbelanja dengan baik serta dapat meningkatkan mutu kerja yang cemerlang demi pembangunan negara," katanya.

Abdul Rahman juga berkata Cuepacs tidak bersetuju dengan mana-mana pihak mengadakan piket kerana ia bukanlah jalan terbaik menyelesaikan masalah.

Katanya piket boleh menyebabkan ekonomi negara tergugat serta mengurangkan minat pelabur asing untuk melabur ke negara ini.

Abdul Rahman juga meminta mana-mana majikan yang belum mengadakan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Kursus Kenegaraan untuk pekerja mereka supaya berbuat demikian segera kerana ia penting bagi kakitangan dinilai untuk menerima anjakan gaji melalui Sistem Saraan Malaysia (SSM) pada tahun depan.

Menurutnya Cuepacs menerima laporan terdapat majikan yang belum mengadakan kursus dan peperiksaan berkenaan dan ini akan merugikan pekerja.

-- BERNAMA

ZI BD MAI